

Skim sedia ada tidak lagi relevan - CUEPACS

# SSU ganti SSM di semua universiti

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**  
utusansabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 12 Nov. - Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) menggesa kerajaan menggantikan Skim Saraan Malaysia (SSM) yang dilaksanakan di semua universiti kepada Skim Saraan Universiti (SSU).

Presidennya, Datuk Omar Osman (**gambar**) berkata, langkah itu perlu memandangkan skim sedia ada sudah tidak relevan dengan pelbagai cabaran semasa yang dihadapi petugas universiti pada masa ini.

"Memorandum telah dibincang dan diserahkan dalam mesyuarat jawatankuasa naib-naib canselor pada



Memorandum telah dibincang dan diserahkan dalam mesyuarat jawatankuasa naib-naib canselor pada 23 Oktober lalu sebelum dibawa kepada Kementerian Pengajian Tinggi

**OMAR OSMAN**  
Presiden CUEPACS

23 Oktober lalu sebelum dibawa kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

"Jadi, sekiranya berjalan baik kita mensasarkan dalam tempoh 2013 ia dapat dilaksanakan," katanya dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Ka-

kitangan Universiti Malaysia (GAKUM) di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini hari ini.

Omar yang juga Pengerusi GAKUM berkata, skim itu akan melibatkan semua warga universiti termasuklah kira-kira 30,000 pensyarah, lebih 55,000 pelaksana dan

1,200 pentadbir.

Jelasnya, skim itu akan menambah baik sistem kenaikan pangkat, latihan dan menetapkan gred gaji yang lebih baik serta seimbang dengan cabaran semasa.

Beliau memberitahu, antara penambahbaikan termasuklah menetapkan kaedah kenaikan gaji berdasarkan tempoh dan prestasi serta menghapuskan kaedah temuduga.

Sementara itu, beliau berkata, bagi melonjakkan lagi universiti yang telah diiktiraf sebagai universiti penyelidikan, pihaknya mencadangkan satu insentif khas diberi kepada petugas di pusat pengajian tinggi berkenaan.

Menurut Omar lagi, insentif khas yang dicadangkan ialah sebanyak

RM1,200 bagi peringkat akademik, pentadbiran (RM800) dan pelaksana (RM500)

"Kita ada enam buah universiti penyelidikan dan kita mahukan sedikit perbezaan memandangkan bila dinaik taraf beban tugas bertambah tetapi kurang penambahan staf dilakukan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memohon supaya kerajaan dapat memastikan semua universiti yang mempunyai fakulti perubatan memiliki hospital sendiri bagi memantapkan lagi fakulti berkenaan.

Ujarnya, pada masa ini Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah lama mempunyai fakulti perubatan masih belum memiliki hospital sendiri.